

26/11/1999

Pas perlu minta maaf secara terbuka

KUANTAN, Khamis - Pergerakan Wanita Umno menuntut Pas membuat permohonan maaf secara terbuka berikutan tindakan seorang penyokongnya memukul seorang petugas Gerak 10 Wanita Umno Kuala Pahang, Pekan, pagi semalam.

Selain itu, Wanita Umno akan menyerahkan laporan mengenai keganasan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja sebagai Perdana Menteri, malah pembela kaum wanita di negara ini.

Ini untuk mengelakkan tindakan keterlaluan dilakukan penyokong parti berkenaan, tidak berulang.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata tindakan penyokong Pas itu menunjukkan parti berkenaan semakin ketandusan idea untuk meraih undi, sehingga sanggup melakukan keganasan dalam usaha menakutkan wanita supaya tidak memilih calon Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, Wanita Umno tidak gentar ugutan seperti itu, malah menyeru semua wanita di negara ini, termasuk penyokong pembangkang, bersatu menyokong BN yang mengutamakan keselamatan dan keharmonian negara, berbanding pembangkang yang mahu merosakkan keamanan sedia ada.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan 10 komputer kepada sekolah di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Parlimen Paya Besar iaitu Penor, Lepar dan Sungai Lembing.

Katanya, Pas kini semakin merendahkan kedudukan wanita yang sebelum ini dinafikan hak mereka untuk bekerja, malah ia turut melanggar ajaran Islam yang meletakkan wanita sebagai golongan istimewa.

"Tindakan pembangkang ini, jelas menunjukkan parti itu tidak mampu mentadbir negara, malah sanggup melakukan apa saja demi memenuhi cita-cita politik mereka," katanya.

(END)